

## **NILAI PENGURUSAN AIR SECARA ISLAM DALAM KOMUNITI DALAM PASCAMODENISM**

Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri  
CIE (KUWAIT), B.H.Sc. (IIUM), M.Th (Nott), Phd (Malaya)

Head School of Business and Management  
Mc Orange Institute Kuala Lumpur  
Tel : 03-20319898 / 019-33103533  
Fax : 03-20322282

Emel : [zaharsani@hotmail.com](mailto:zaharsani@hotmail.com) / [drzahar@mcorange.edu.my](mailto:drzahar@mcorange.edu.my)

### **ABSTRAK**

Dua tahun lalu, krisis air di Lembah Kelang telah mengajar kita supaya menghargai betapa pentingnya air kepada kehidupan manusia. Malah ia juga telah mengajar kita melihat betapa perlunya memelihara serta memulihara sumber bekalan air terutamanya sungai. Ketika krisis air melanda, hujan diibaratkan seumpama emas yang jatuh dari langit, ditadah, disimpan, dihargai bahkan ianya digunakan berdikit-dikit. Apabila semuanya selesai, kita kembali ke tabiat lama kita, air seolah-olah satu aset yang tidak mempunyai sebarang nilai langsung. Ramai yang terlupa akan hukum alam, iaitu setiap yang wujud pasti ada pengakhirannya, begitu juga dengan bekalan air di negara kita. Krisis air pasti akan kembali lagi. Kertas kerja ini menyingkap dan menyelami nilai-nilai murni pengurusan air dengan memberi fokus utama terhadap nilai-nilai Islam sebagai satu alternatif penyelesaian terhadap permasalahan air yang wujud sekarang dan yang bakal timbul pada masa akan datang. Agama Islam yang dikenali sebagai satu agama yang menyeluruh, pastinya mempunyai caranya tersendiri dalam menyelesaikan permasalahan air. Pengurusan air dalam Islam sudah lama diketengahkan, iaitu semenjak zaman kemunculan Nabi Muhammad 1420 tahun yang lalu. Kertas kerja ini juga mengusulkan kesesuaian hukum Islam dalam pengurusan air untuk diadaptasikan pada masa kini, sebagai satu jalan penyelesaian yang unggul, yang tiada tolak bandingnya untuk kegunaan sepanjang zaman.

### **ABSTRACT**

Over the last two years, the water crisis has taught us to appreciate the importance of water in our lives. It has also taught us to constantly be reminded of the significant need to preserve and maintain the source of water; rivers in particular. When the crisis hit some areas in Malaysia, each rainfall was so valuable, that rainwater was accumulated, stored and greatly appreciated and used sparingly. However, when water normal, we came back to our old habit and water again, became an asset that everyone took for granted. Many have forgotten the laws of nature that all life forms and resources will eventually die or will be depleted. The same can be illustrated with water supply in our country. The water crisis will make a come back. This paper took a closer look at the positive values of water management, giving a special focus on Islamic values as a possible alternative solution towards existing and future water-related problems. Islam is known as a religion that encompasses totality, and it has its ways in generating solutions to problems concerning water. In Islam, water management has been put forth since the days of Prophet Muhammad (PBUH) 1420 years ago. This paper proposes that Islamic laws are most appropriate in water management and can also be applied today, as the ultimate solution of this problem.

## PENGENALAN

Untuk jangka masa panjang, manusia dilaporkan akan menghadapi krisis sumber bekalan air yang serius. Menurut laporan yang di keluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar (*UNEP*), menyatakan, jika manusia menggunakan air dengan kadar yang diamalkan sekarang, dua dari tiga orang penduduk dunia akan hidup di dalam keadaan sukar menikmati bekalan air, menjelang tahun 2025.<sup>1</sup>

Dalam masa yang sama, laporan itu juga meramalkan, krisis bekalan makanan semakin buruk turut akan terjadi. Ini adalah kerana kedua-duanya bersangkutan, dan memerlukan diantara satu sama lain.<sup>2</sup> Menurut laporan *UNEP* itu juga, ada mengatakan pembekalan air merupakan satu masalah serious di negara-negara Asia. Ketika ini, menurut laporan itu, mengatakan satu dari tiga orang di benua Asia ini tidak memperolehi sumber bekalan air bersih yang sepatutnya. Masalah ini juga mendorong kepada penghadan terhadap pengeluaran makanan di masa depan.<sup>3</sup> Namun menurut keperluannya, air adalah lebih berharga berbanding dengan makanan. Tanpa makanan, manusia masih dapat hidup. Sebaliknya jika tanpa kehadiran air untuk selama tiga hari sahaja, manusia pastinya akan mati.<sup>4</sup>

Ini bermakna, air itu lebih dan amat penting, tetapi jika air yang diminum turut tercemar dan beracun ianya akan lebih mendatangkan kesan buruk kepada jangka hayat manusia secara keseluruhannya. Hakikatnya menurut fakta keluaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*PBB*), semua air bersih yang boleh diminum di dunia ini, hanya boleh diisikan ke dalam sebuah tangki yang berbentuk kubus, berukuran 95 batu persegi sahaja.<sup>5</sup> Bayangkanlah, betapa kurangnya air di muka bumi ini sekarang, dan bayangkanlah, apa akan terjadi, jika ianya gagal diurus dengan baik.

Wartawan Alam Sekitar BBC (*Pusat Penyiaran British*), *Alex Kirby* telah melaporkan bahawa bumi ini tidak lagi mempunyai air bersih berbanding 2,000 tahun yang lalu, iaitu bila penduduknya kurang dari saiz tiga peratus daripada saiz kepadatan yang terdapat pada hari ini.<sup>6</sup> Bukti perbezaannya amat jelas sekali apabila negara-negara di Timur Tengah yang selama ini dilaporkan jarang-jarang sekali mendapat hujan seperti Israel, Jordan dan Syria, berebut-rebut untuk memperolehi sumber bekalan air mereka dari Lembah Sungai Jordan dan kawasan sekitarnya.

Tetapi kini, akibat dari kekurangan bekalan air tersebut, beberapa buah negara seperti Arab Saudi, Israel, Jordan dan Utara Afrika terpaksa mengimpot air bersih dari negara lain, terutamanya dari negara Mesir. Malah, menurut laporan itu, dianggarkan, dalam tempoh 25 tahun lagi, 48 buah negara, terutamanya yang terletak di Afrika, yang memiliki lebih dari satu pertiga penduduk dunia akan menderita kehausan air.<sup>7</sup>

Semasa musim kemarau yang melanda Mesir pada akhir tahun 1984 sehingga awal 1985, jumlah air yang mengalir ke Sungai *Aswan* telah jatuh sebanyak 38 bilion meter padu. Manakala pada tahun 1986, simpanan air Mesir telah jatuh ke paras 24 bilion meter padu atau kurang satu per lima (1/5) daripada kandungan simpanan asalnya dan lebih kurang satu pertiga (1/3) jumlah penggunaan tahunannya. Manakala, pada masa yang sama, negara China juga menghadapi kekurangan bekalan air yang teruk di mana hanya lapan peratus (8%) sumber air jernih mereka yang boleh di kitar semula. Negara Rusia pula menghadapi masalah bekalan air kontang akibat dari penggunaan air yang berlebihan, yang berlaku akibat dari musim kemarau tersebut.<sup>8</sup>

Gambaran tersebut adalah antara contoh-contoh yang paling dekat berhubung dengan betapa kritikalnya suasana bekalan air yang terjadi di beberapa buah negara di dunia. Bagaimana pula dengan

---

<sup>1</sup> UNEP GEO team, *Global Environment Outlook 2000*, UNEP Nairobi, Kenya.

<sup>2</sup> Laporan FAQ 1998.

<sup>3</sup> Op cit

<sup>4</sup> Murdin, Paul. *Water: A Cosmic History*. London: Bloomsbury. 2000.

<sup>5</sup> UNEP GEO team, *Global Environment Outlook 2000*, UNEP Nairobi, Kenya.

<sup>6</sup> BBC News, *Sepecial Report World Water Day*, 21 July 1999

<sup>7</sup> op cit.

<sup>8</sup> ibid, lihat nota kaki 6.

konteks negara kita? Walaupun Malaysia mempunyai satu tahap sistem dan pengurusan air yang dianggap antara yang terbaik di rantau ini, dengan adanya sistem takungan dan tempat tadahan air serta sungai yang masih berfungsi untuk menampung keperluan bekalan air kepada penduduk-penduduknya, tetapi adakah kesemua sistem tersebut telah cukup untuk menampung keperluan generasi hari ini dan akan datang?

Beberapa kes catuan air seperti mana yang berlaku ketika krisis air 1998, serta kejadian beberapa batang sungai yang tercemar dan kering menjadi satu pengajaran kepada masyarakat di negara kita supaya manusia tidak terus memperkosa alam sekitar.<sup>9</sup> Ini adalah kerana perbuatan tersebut, secara langsung atau tidak akan menyebabkan sumber bekalan air terganggu dan semakin terganggu.

Usaha pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memulihkan lima (5) sungai tercemar iaitu Sungai Kelang, Sungai Juru, Sungai Kinta, Sungai Melaka dan Sungai Kedah perlu dilaksanakan dengan serta merta untuk memastikan sumber bekalan air dalam negara tidak akan terjejas di masa hadapan.<sup>10</sup> Kita tidak mungkin dapat mengimport bekalan air dari negara luar kerana kebanyakan negara-negara ASEAN semuanya sedang bergerak maju dan tidak lepas dari menghadapi krisis bekalan air dalaman dan ada di antara mereka yang terpaksa bersengketa sesama sendiri, hanya untuk mendapatkan setitis air untuk keperluan rakyat mereka.

Sejajar dengan itu, sikap membazirkan air perlu dibendung dengan segera, jika tidak masyarakat di negara kita akan menghadapi krisis air yang lebih teruk dan seterusnya akan menderita kehausan air yang berpanjangan. Ingatlah kepada titah *Parakrama Bahu the Great*, Raja Sri Lanka pada abad ke-12, apabila beliau telah membentuk satu tahap pengurusan air yang unggul iaitu,

*'jangan membiarkan walaupun setitik air hujan mengalir ke laut tanpa memberi faedah kepada manusia'.*<sup>11</sup>

Justeru itu, hargailah air sebagaimana kita menghargai nyawa kita sendiri. Ingatlah juga, sesungguhnya kita tidak mewarisi bumi ini dari nenek moyang kita tetapi kita meminjamnya dari anak cucu kita sendiri.

## **PENYATAAN MASALAH PENGURUSAN AIR**

Kalau dilihat secara amnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang mewah dengan sumber air, dengan hujan yang berterusan sepanjang tahun, sungai yang banyak dan sumber air bawah tanah yang belum digunakan sepenuhnya. Ada negeri-negeri di Malaysia mempunyai lebih sumber air, diantaranya Pahang, Terengganu dan Johor. Disamping itu terdapat juga negeri-negeri yang sumber airnya kurang seperti Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis.<sup>12</sup>

Akan tetapi pentadbiran kesemua sumber air ini terletak dibawah penguasaan kerajaan negeri masing-masing.<sup>13</sup> Ini bermakna jika sebuah sungai itu mengalir melepasi beberapa buah negeri maka sudah tentu hulu dan hilirnya ditadbir oleh negeri-negeri yang berbeza peraturannya. Secara tidak langsung negeri-negeri yang kekurangan sumber air, mengalami pelbagai masalah untuk memenuhi keseluruhan permintaan penduduknya.

Konflik keperluan diantara pengguna merupakan di antara masalah utama pengurusan air. Kawasan perindustrian selalu menuntut keutamaan dari kerajaan negeri. Ini kerana mereka adalah penyumbang utama kepada kepesatan pembangunan ekonomi sesebuah negeri, ini menyebabkan kawasan pertanian

---

<sup>9</sup> Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran Malaysia (DID), pada tahun 1998 hampir 27% sahaja sungai yang di anggap bersih dari 1800 sungai yang terdapat di sini.

<sup>10</sup> Op cit.

<sup>11</sup> De Casparis, J.G. *India and Maritime Southeast Asia: A Lasting Relationship*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1975.

<sup>12</sup> CAP, *State of The Malaysian Environment*, Consumer Association of Penang, 1996.

<sup>13</sup> Senarai 1, Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Malaysia.

dan perumahan terabai kerana keistimewaan yang diberikan kepada sesetengah pihak tanpa menghiraukan keadilan dari segi hak.<sup>14</sup>

Di samping itu pengagihan yang tidak seimbang menyebabkan banyak masalah berlaku. Kebanyakan masalah pengagihan air bersih di Malaysia berlaku di kawasan pedalaman. Penduduk di kawasan ini tinggal dalam jarak yang berjauhan, jesteru itu adalah tidak begitu ekonomi dan realistik bagi pihak kerajaan untuk menyediakan pasarana yang lengkap bagi setiap individu di situ.<sup>15</sup> Ditambah pula dengan fenomena mencuri air di kawasan setinggian<sup>16</sup> di bandar-bandar besar. Faktor ini turut menyebabkan tekanan air menjadi rendah dan ramai orang terjejas daripada mendapat bekalan air bersih yang sempurna.<sup>17</sup>

Kerajaan banyak menekankan kepada keperluan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi supaya hak golongan majoriti sentiasa di utamakan. Selain daripada itu, masalah utama pengagihan air di negara ini ialah tertakluk di bawah bidang kuasa siapa? Kebanyakan kawasan bandar, ianya terletak di bawah pengawasan dan seliaan bersama antara Jabatan Bekalan Air tempatan dan juga Jabatan Kerja Raya Negeri, manakala di kawasan luar bandar pula, pengurusan airnya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kepelbagaian kementerian mahupun jabatan yang diberi kuasa oleh pihak kerajaan, juga merupakan masalah dalam menentukan siapakah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program yang telah dirangka oleh pihak kerajaan untuk kesejahteraan rakyat.

Secara tidak langsung ini akan mengakibatkan berlakunya konflik pengurusan di antara kementerian dan tertakluk kepada kekuatan kewangan masing-masing dalam melaksanakan misi dan objektif kementerian terbabit.

Secara umumnya kertas kerja ini akan menghasilkan beberapa saranan yang telah digariskan berdasarkan nilai-nilai murni pengurusan sumber bekalan air dari perspektif Islam yang perlu diketahui oleh pihak berkuasa dalam melancarkan pengurusan yang sedia ada supaya ianya dapat menjadi lebih efektif dan efisien di masa akan datang.

Secara perbandingan, jika dilihat dari sudut perbankan Islam, bahawasanya sistem perbankan konvensional sudah pun berjaya adaptasi kepada kaedah perbankan Islam kerana terdapatnya nilai-nilai murni dalamnya. Walhal rukun negara kita meletakkan unsur percaya kepada tuhan sebagai tunjang utama untuk setiap rakyat Malaysia.

Ditambah pula dengan wawasan 2020<sup>18</sup> (wawasan pembangunan negara) yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad yang membawa pernyataan bahawa, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 di mana penduduknya akan terus hidup aman dan harmoni serta persekitaran terus terpelihara menjadi wadah kepada dasar pembangunan negara dan pemeliharaan sumber air adalah antara agenda utama. Wawasan 2020 ini juga telah menggariskan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bermoral dan berakhlak tinggi sebagai salah satu daripada cabaran agenda wawasan ini. Secara tidak langsung ini, tunjang cabaran yang dinyatakan diatas, membuktikan bahawa agama Islam boleh dijadikan sebagai satu pedoman malah garis panduan dalam mencari jalan penyelesaian terhadap apa-apa jua masalah yang berbangkit. Kaedah inilah yang cuba diaplikasikan oleh penyelidik dalam menjayakan projek kertas kerja ini.

---

<sup>14</sup> Merujuk kepada laporan Utusan Malaysia, 7 April 1998 muka 4, mengenai rungutan penduduk Pulau Pinang mengenai krisis air yang melanda. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan juga ada membicarakan tentang Hak Kesamarataan dan Hak untuk mendapat kemudahan asas.

<sup>15</sup> Laporan Malaysia ke-7 menunjukkan hanya 87% penduduk Malaysia menikmati bekalan air bersih terus ke rumah.

<sup>16</sup> Laporan tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat, 2000.

<sup>17</sup> Laporan tahunan Jabatan Bekalan Air Selangor, 2000.

<sup>18</sup> "Booklet Wawasan 2020" Bahagian Hal Ehwal Khas, Jabatan Penerangan Malaysia, 1992

## **ANALISIS MASALAH PENGURUSAN AIR DI LEMBAH KELANG MENERUSI PERSPEKTIF ISLAM**

Pada ketika ini sedang berlaku satu petanda baik di negara kita Malaysia khasnya dan dunia amnya, apabila terdapat segolongan besar ahli sains dan pakar akademik yang kian cenderung dan ingin mencari penyelesaian dalam pelbagai permasalahan yang mereka hadapi menerusi pendekatan ajaran agama khususnya ajaran agama Islam.

Dalam konteks Malaysia, tahap kesedaran yang tinggi ini adalah merupakan sebahagian daripada natijah pelaksanaan program penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara yang telah dilancarkan pada tahun 1982 yang lalu oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, *Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad*. Mudah-mudahan kesedaran ini dapat menghasilkan manfaat yang lebih besar kepada rakyat khususnya dan negara Malaysia amnya.

Di samping itu, penasihat khas ekonomi kepada Perdana Menteri, *Tan Sri Nor Mohamed Yakcop*, menegaskan, etika dan nilai murni yang baik diperlukan bagi memandu dan membimbing kepada pengurusan yang lebih berjaya. Sekiranya nilai-nilai murni menjadi satu aspek penting dalam pengurusan, Islam sebagai agama rasmi harus mempunyai peranan yang besar dalam usaha tersebut. Islam yang di maksudkan bukan hanya pada slogan tetapi amalan nilai etika yang baik yang akan membawa kejayaan bukan hanya kepada orang Islam Malaysia tetapi kepada seluruh rakyat Malaysia.

<sup>19</sup>

Begitu juga dengan permasalahan air, telah ternyata banyak teori-teori konvensional yang tidak dapat dipraktikkan .dalam mencari penyelesaian yang semakin meruncing, sebagai contohnya, empangan-empangan yang dibina berdasarkan teori konvensional sendiri tidak dapat menyelesaikan permasalahan bekalan air setempat, secara tidak langsung ajaran yang berteraskan agama Islam telah dilihat sebagai salah suatu alternatif yang perlu digarab serta diterjemahkan ke dalam praktiliti kehidupan seharian.

Ajaran agama Islam boleh dikatakan penuh dengan nukilan-nukilan saintifik (*reason and cause*) jika ianya dikaji dengan secara lebih menyeluruh dan mendalam. Sesungguhnya Allah telah mencipta akan setiap sesuatu di dunia ini dengan kadar pengukurannya yang tersendiri. Tidak ada yang terkurang dan tiada yang terlebih padanya, semuanya cukup dan sempurna, seperti mana yang dinyatakan oleh Allah di dalam Al-Quran, yang bermaksud;

*Dia yang membuat akan segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan Dia yang memulai penciptaan manusia dari tanah. (QS. 32:7)*

### **ISLAM DAN AIR**

Umat Islam percaya, Allah telah mencipta langit dan bumi ini, dengan sebaik-baik kejadian. Dia yang menjadikan gunung-ganang, sungai dan laut supaya manusia dapat mencari rezeki darinya. Akantetapi, manusia yang dikurniakan kelebihan akal, merosakkan alam ini semata-mata kerana tamak dan ingin membolot kekayaan, tanpa memperdulikan akibat perbuatan mereka tersebut. Dalam surah *Yaasin* ayat 36-36, Allah ada berfirman, yang maksudnya;

*“Kami adakan di bumi kebun yang berisi pohon kurma dan buah anggur dan kami pancarkan di sana mata air supaya mereka makan buah-buahan apa yang diusahakan oleh tangan mereka. Tidakkah mereka berterima kasih kepada Kami.”*

Begitu juga dalam surah *An-Nahl* ayat 14-15, Allah berfirman, yang antara lain bermaksudnya;

---

<sup>19</sup> Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, *Versi Baru Pensyarikatan Malaysia*, Dialog Promuda, Berita Harian, 21 Februari 2002.

“Dia yang menguasai laut supaya kamu makan daging ikan yang lembut dan supaya kamu keluaran dari dalamnya perhiasan yang kami pakai dan engkau lihat kapal berlayar di laut supaya kamu mencari kurniaan Allah (rezeki), mudah-mudahan kamu berterima kasih kepadanya.”

Air merupakan satu unsur yang amat penting dalam agama Islam. Air juga merupakan salah satu nikmat dunia yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada makhluknya. Ianya terserlah dan terbukti dengan ulangan sebanyak 63 kali di dalam keseluruhan Al-Quran. Jumlah perkataan di dalam Al-Quran ialah sebanyak 6,666 patah jika dibahagikan dengan 63 patah ianya hampir mencecah 1% daripada keseluruhan ayat Al-Quran. Ini membuktikan hampir 1% (0.945%) daripada isi kandungan Al-Quran adalah membicarakan mengenai air, manakala perkataan yang merujuk kepada sungai muncul sebanyak 52 kali (0.78%) dan ayat berkenaan dengan mata air, hujan dan awan tidak kurang dari lima kali (0.075%) bagi setiap satu.

Dari segi hadis rasullulah pula, kalau dilihat dan dikaji akan *Kitab Sahih Bukhari*, Jilid 3, buku 40, bermula dari hadis 541 sehingga 569 kesemuanya menceritakan mengenai pengurusan air. Walaupun ianya nampak sedikit, iaitu hanya berjumlah kira-kira 28 hadis kesemuanya, tetapi perlu diingat, hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari merupakan hadis-hadis yang diiktiraf sebagai *sahih*, iaitu tiada penafian dari mana-mana *jumhur ulamak* mengenai ketulenan serta kebenaran mengenainya.

Al-Quran dan Hadis, yang sepertimana dinyatakan di atas, merupakan sandaran utama didalam menghasilkan satu perundangan yang boleh dijadikan sebagai garis panduan kehidupan. Tujuan pembentukan perundangan Islam (*syariah*) ini ialah untuk melihat akan kebajikan masyarakat secara keseluruhannya tidak kira masa, tempat mahupun untuk golongan tertentu sahaja. Malah ianya juga digunakan untuk menjaga hak-hak generasi yang akan datang terutamanya dalam mendapat hak penggunaan air.

Ianya juga merupakan satu garis panduan yang telah dipersetujui oleh *jumhur ulama muktabar* (ulama yang diiktiraf akan pandangannya oleh masyarakat) untuk dijadikan sebagai asas panduan iaitu *qawaid al-fiqihiyah* pengurusan bagi sesebuah negara.

Dalam aspek pengurusan air, setelah dibuat kajian keatas kitab-kitab fiqahiyah yang utama, iaitu, karangan *Muhammad Abdul Hamid Al-Ghazali (Al-Wajiz)*, *Muhammad Idris As-Shafie (Al-Umm)*, *Muhammad Ibn Hajar (Al-Fatwa Al Kubra Al Fiqihiyah)* dan *Muhammad Al-Mawardi (Al-Ahkam Al-Sultaniyah)* bolehlah sencara tuntasnya kita mengambil kesimpulan, terdapatnya lima (5) garis panduan syariah yang sesuai digunakan di dalam menguruskan sesuatu sumber air.

Sebarang elemen yang boleh membawa kepada kerosakan dan kemusnahan sumber air hendaklah dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali.

Apabila sesuatu penyelesaian terhadap permasalahan air tidak begitu mendatangkan hasil, maka cara alternatif hendaklah diusahakan dengan segera, supaya kemusnahan yang berlaku dapat diperbetulkan dengan secepat mungkin.

Kepentingan hak majoriti melebihi hak minoriti. Pengurusan air mestilah mementingkan kepentingan kelompok besar dan bukannya kepentingan golongan cebisan, walaupun golongan kecil itu merupakan satu golongan yang berpengaruh dan berkuasa.

Pengguna air bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kerosakan dan kemusnahan yang terjadi dari perbuatannya sendiri samada secara sengaja mahupun tidak terhadap sebarang alat pembekalan air ataupun terhadap sumbernya. Tindak balas pihak pentadbiran di dalam pengurusan air hendaklah sejajar dengan amanah yang telah depertanggungjawabkan oleh rakyat tanpa prejudis.

Berbalik kepada persoalan utama mengenai pengurusan air, secara asasnya, ajaran agama Islam ada menggariskan hak pengguna air kepada dua kategori utama;<sup>20</sup>

### **Hak Terhadap Mereka yang Dahaga.**

Iaitu mereka yang dahaga berhak untuk mengambil air dari mana-mana punca, tidak kira jika ianya adalah milik umum mahupun milik peribadi individu tertentu, untuk menghilangkan dahaga. Hak ini bukan sahaja terbatas kepada manusia malah ianya juga tertakluk kepada sebarang jenis binatang ternakan mahupun binatang buas. Pemilik-pemilik punca air tersebut tidak dibenarkan untuk menghukum mana-mana pihak yang dahaga daripada melepaskan dahaga mereka, serta dimestikan untuk membantu keperluan mereka, semampu yang boleh. Mereka yang telah melepaskan dahaga, tidak dibenarkan untuk mengganggu atau merosakkan harta pemilik sumber air tersebut serta harus beredar dengan segera, selepas hajat mereka tertunai.

### **Hak Pengairan Pertanian.**

Hak pengairan pertanian bermaksud setiap individu yang mempunyai kawasan pertanian berhak untuk mendapatkan air untuk penairan pertanian mereka. Hak ini hanya eksklusif terhadap mereka yang mempunyai kawasan yang bersempadan dengan sumber air tetapi ianya terhalang disebabkan wujudnya kawasan pertanian milik orang lain.

Hak ini termasuk memberikan hak pengairan kepada mereka yang memiliki kebun di pinggir sesebuah saluran air ataupun mereka yang mempunyai tanaman yang terletak di hilir kawasan tanaman orang lain. Pemilik kawasan yang menghalang pula, hendaklah melepaskan air itu, selepas mengairi kawasan tanaman mereka, jika mereka mengairinya menggunakan sumber umum, seperti sungai dan tasik. Akan tetapi jika mereka mengairi menggunakan sumber milik mereka sendiri seperti telaga yang digali maka mereka berhak mengenakan bayaran terhadap air yang ingin digunakan oleh pihak lain.

## **ANALISIS MASALAH PENGURUSAN AIR DI LEMBAH KLANG MENERUSI PERSPEKTIF ISLAM**

Walaupun Malaysia dianugerahi dengan limpahan hujan yang banyak setiap tahun, ianya tidak dapat lari dari berhadapan dengan masalah pengurusan dan pembekalan air. Secara amnya punca permasalahan air yang sering diperkatakan oleh pengguna dan pemberi perkhidmatan ini ialah;

1. Pencemaran sumber air.
2. Pembaziran air.
3. Pencerobohan kawasan tadahan air.
4. Pengurusan pembekalan yang tidak bijak.

### **Pencemaran sumber air.**

Pencemaran sumber bekalan air utama khususnya sungai bukan perkara baru malah kita meyedari semakin hebat dan pesatnya pembangunan serta pertumbuhan penduduk, semakin buruk pula pencemaran yang berlaku. Pencemaran sungai di Malaysia merupakan satu masalah alam sekitar yang bertambah serius dari semasa ke semasa dan sehingga sekarang masih tiada lagi suatu kaedah penyelesaian yang benar-benar efektif untuk menangani masalah ini. Apa yang menyedihkan, pencemaran bukan sahaja dialami oleh sungai-sungai di kawasan bandar, malah luar bandar juga turut dilanda masalah ini.

---

<sup>20</sup> Kesemua ini dipersetujui didalam tiga kitab fiqh utama iaitu, Imam Malik, *Al-Muwatta*, (Bab 31-35), Terjemahan Inggeris oleh Aisha Abdurrahman Bewley, Kegan Paul International, London, 1989. Dan Imam Syafie, *Al-Umm (Kitab Induk)*, Buku Kelima, Terjemahan Prof. Tk. H. Ismail Yakub. Cetakan Pertama, Penerbit C.V.Faizan, Jakarta Selatan, Indonesia, 1982. Serta lihat Ibn Hajar Al Haitami, *Al Fatawa Al Kubra Al Fiqhiyah*, Arabic Script, Egypt.

<sup>20</sup> Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar, 2001

Mengikut kajian hidrologi<sup>21</sup> ada tiga klasifikasi pencemaran air berlaku iaitu:

- Pencemaran fizikal (tidak larut dalam air seperti sampah sarap daripada logam, kertas, kaca dan kelodak)
- Pencemaran biologi (seperti najis binatang menyebabkan kemunculan bakteria seperti *Escherichia coli* atau E Coli, cacing nematod dan mikrob lain).
- Pencemaran kimia (bahan kimia terlarut daripada pencemar fizikal dan biologi serta logam berat dikelaskan sebagai pencemar kimia).

Kajian yang pernah dijalankan ke atas 116 batang sungai di seluruh negara tidak lama dulu mendapati, 10 peratus atau 11 sungai didapati paling teruk tercemar. Sebanyak 63 peratus lagi atau 73 batang sungai pada tahap tercemar, cuma 27 peratus atau 32 batang sungai sahaja dikategorikan sebagai bersih.<sup>22</sup> Kajian ini cukup untuk dijadikan ukuran betapa kritikalnya mutu air sungai di negara kita sekarang.

Sungai yang tercemar teruk di Lembah Klang ialah Sungai Sepang, Sungai Selangor, Sungai Klang dan Sungai Buloh. Laporan itu juga menyatakan bahawa 70 peratus masalah pencemaran sungai adalah disebabkan oleh kumbahan dan pembuangan sampah. Menurut laporan itu juga, kelodak daripada hakisan yang juga sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti penerokaan hutan serta pelepasan sisa oleh industri juga menjadi penyumbang utama masalah pencemaran ini.

Sumber air minum di Negeri Selangor diperolehi dari 27 buah loji pembersih air yang mendapat bekalan dari 23 batang sungai. Berdasarkan pemantauan rutin bekalan air mentah di mukasauk loji pada tahun 1997 oleh Jabatan Kesihatan Daerah Hulu Langat,<sup>23</sup> mendapati sebanyak 5 batang sungai telah dikenalpasti mengalami pencemaran yang tinggi dimana Sungai Langat adalah salah satu dari sungai tersebut.

Misalnya, perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH)<sup>24</sup> baru-baru lalu menunjukkan, sebahagian besar ladang ternakan khinzir di sekitar Selangor tidak mempunyai sistem pengurusan sisa najis khinzir sehingga menimbulkan pelbagai masalah pencemaran.

Kajian juga menunjukkan, hampir 95 peratus ladang ternakan di dua negeri tersebut tidak menyediakan sistem pengurusan sisa yang efektif, kebanyakannya membuang terus ke sungai yang menjadi sumber air serta makanan kepada penduduk sekitar. Najis khinzir yang dialirkan ke sungai menyebabkan pencemaran teruk ke 13 batang sungai negara ini antaranya termasuklah Sungai Sepang, Sungai Langat, Sungai Klang dan Sungai Damansara.

Keadaan ini menyebabkan pengguna, khususnya di Lembah Klang berkemungkinan besar meminum air yang dicemari najis babi, lebih-lebih lagi sehingga kini tiada syarikat pengeluar air yang mempunyai teknologi untuk merawat air yang dicemari najis babi, kerana ia perlu menggunakan sistem rawatan canggih, yang dilengkapi karbon teraktif dan membran untuk merawat air yang dicemari najis babi.

Hakikatnya, Malaysia sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan kepercayaan di dalamnya dan sebagai sebuah negara rukun dan makmur, tidak salah rasanya jika sensitiviti kaum dan agama dijadikan pertimbangan sebelum sesuatu keputusan diambil.

Dari segi hakisan<sup>25</sup> kajian menunjukkan bahawa pembangunan tanah di hadapan kawasan tadahan air Sungai Klang iaitu daerah Batu, Setapak dan Hulu Klang, menyebabkan masalah hakisan tanah yang serius apabila hujan, iaitu pada kadar 80-150 juta tan setahun yang mana 1.2 juta tan bersamaan

---

<sup>22</sup> Kajian Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 1999.

<sup>23</sup> Laporan Tahunan Jabatan Kesihatan Selangor, 1998, Kajian Jabatan Kesihatan Daerah Hulu Langat 1997.

<sup>24</sup> Kajian Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia, 2000.

<sup>25</sup> Laporan Tahunan Alam Sekitar 2000, Jabatan Alam Sekitar, 2001



100,000 lori penuh pasir mengalir ke Sungai Klang dan alirannya. Muatan yang melebihi kapasiti ini memudahkan airnya melimpah apabila hujan lebat dan mengakibatkan banjir kilat.

Kajian JPS<sup>26</sup> mengenai keberkesanan kempen '*Cintailah Sungai Kita*' yang dilancarkan pada tahun 1993 menunjukkan taraf kesedaran sivik masyarakat masih rendah terhadap kepentingan menjaga sungai. Ini terbukti apabila kajian menunjukkan 4.6 peratus penduduk bandar dan 4 peratus penduduk luar Bandar, daripada 8,700 yang ditanya, memberitahu bahawa sungai adalah tempat sesuai bagi membuang sisa dan kumbahan.

Kita seringkali didedahkan mengenai kekerapan penguatkuasaan ratusan kilang khususnya kilang sawit dan getah yang menjadi antara penyumbang utama pencemaran sungai, dikenakan kompaun kerana membuang efluen ke sungai. Tetapi kita jarang dengar kilang ditutup terus atau pemiliknya dipenjarakan kerana tindakan itu. Mengikut penguatkuasaan sebenar Akta Kualiti Alam Sekeliling, mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun dan kompaun RM100,000.<sup>27</sup> Hakikatnya, penguatkuasaan tidak seimbang dengan pembangunan.

Penguatkuasaan semata-mata tidak cukup untuk melindungi sungai yang ada sebaliknya, semua pihak termasuk kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, kelompok masyarakat dan setiap individu perlu memainkan peranan secara langsung untuk menangani masalah pencemaran ini. Jika tiada pendekatan secara bersepadu dilaksanakan, tidak mustahil Malaysia akan menghadapi krisis air yang serius dalam masa 30 tahun lagi sekiranya sumber air yang ada tidak dilindungi.

Sungai adalah antara nikmat alam yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita. Semua orang tahu sungai yang bersih boleh menyumbang ke arah kegiatan ekonomi, aktiviti riadah, industri pelancongan dan keharmonian alam sekitar. Sungai yang tidak dapat menjalankan peranannya sebagai sungai boleh diibaratkan telah mati. Mahukah kita memanggilnya sungai sedangkan ia tidak lebih seperti longkang yang airnya mengalir lesu, coklat dan berbau. Allah telah menganugerahkan sungai kepada manusia untuk pelbagai faedah sebagaimana firmanNya dalam al Quran:

*“Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan berbagai buah-buahan menjadi rezeki untukmu, dan Dia telah menundukkan bahtera bagimu, supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendakNya, dan Dia telah menundukkan pula bagimu sungai-sungai.”<sup>28</sup>*

Persekitaran sungai yang kemas dan cantik boleh mewujudkan kawasan riadah yang sihat dan menarik. Program pengindahan sungai perlu digandingkan dengan pelaksanaan landskap yang indah dan bersesuaian dengan unsur alam dan tradisi setempat supaya suasana yang tercipta menjadi serasi dan mesra dengan alam persekitaran. Dengan itu kawasan berkenaan akan menjadi tumpuan dan kebanggaan penduduk setempat dan terus dipelihara untuk keperluan bersama.

Dengan kesedaran bahawa air merupakan sumber yang sangat sensitif kepada pencemaran, maka wajar bagi kita mengambil inisiatif yang perlu bagi menangani sebarang permasalahan yang dihadapi. Salah satu daripada strategi penting bagi memastikan sumber air dijaga oleh semua pihak ialah dengan meningkatkan kesedaran dan kecintaan penduduk negara ini terhadap alam sekitar.

Menjaga kebersihan merupakan sebahagian dan iman, seperti mana yang pernah dinyatakan di dalam sebuah hadis nabi yang agak popular. Di dalam menjaga sumber air, Islam menuntut supaya ianya bersih daripada bahan najis terutama pada air yang bertakung, kerana kesan najis tersebut boleh membawa mudarat dan bahaya kepada penggunaannya. Hadis nabi, riwayat Muslim<sup>29</sup> bermaksud:

*“jangan lah kamu membuang air di dalam air yang tidak bergerak”*

<sup>26</sup> Laporan Tahunan JPS 1999, Kajian Kesedaran Rakyat Keatas Kepentingan Sungai, JPS, 2000.

<sup>27</sup> AKAS pindaan 1997.

<sup>28</sup> Surah Ibrahim: Ayat 32

<sup>29</sup> Sahih Bukahri, Volume 3, Buku 40

Tujuan dan saranan ini ialah kerana dikhuatiri akan ada orang lain yang menggunakan air tersebut kerana kedaifan pengetahuan mengenainya. Hadis ini juga mengingatkan bahawa menjaga kebersihan termasuk kebersihan sumber air menjadi tuntutan di dalam Islam. Oleh sebab itu umat Islam hendaklah memastikan bahawa sumber air yang digunakan bersih dari bahan-bahan yang tercemar.

Merujuk kepada kejayaan negara luar dalam usaha pembersihan sungai, contohnya Sungai Hudson di New York, Sungai Charles, Boston, Sungai Ohio, Amerika Syarikat dan Sungai Rhine, Jerman, kesemuanya berjaya dipulihkan oleh kerajaan masing-masing. Kesemua program pemuliharaan dan pemeliharaan sungai ini mempunyai plan tindakan yang hampir sama,<sup>30</sup> iaitu;

1. Mengenal pasti akan punca pencemaran.
2. Penguatkuasaan terhadap pencemar sungai.
3. Undang-undang penggunaan tanah di kawasan sekitar sungai.
4. Penglibatan dan pembabitan orang ramai pelbagai peringkat dalam usaha membersihkan sungai, termasuk khidmat sukarela, penglibatan tokoh masyarakat, ahli politik dan penguasa tempatan secara berterusan.
5. Menggalakkan program penyelidikan dan pembangunan sungai (R&D).
6. Mengadakan perjanjian penjagaan sungai antara negeri dan negara.
7. Kempen kesedaran secara formal dan informal.

Jika bandingkan pula dengan suasana semasa di Malaysia, hanya 27% sungai di Malaysia yang diiktiraf bersih,<sup>31</sup> manakala tindakan yang sedang di ambil oleh pihak berkuasa tempatan pula adalah tidak memadai.

Kebersihan air sangat penting dalam kehidupan orang Islam. Kerana air bukan sahaja untuk kegunaan minuman sahaja, tetapi juga untuk kesempurnaan ibadah kepada Allah, seperti ianya digunakan untuk beristinja, mengambil wuduk dan mandi hadas. Walaupun dalam Islam ada alat-alat yang lain yang boleh digunakan untuk menggantikan air untuk tujuan tersebut, namun penggantian itu tidak boleh digunakan sembarangan, tetapi mestilah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh agama. Misalannya debu tanah untuk bertayamum tidak boleh digunakan sekiranya masih ada air atau dalam keadaan penggunaan air tidak mendatangkan kemudharatan.

Kedua menjaga kebersihan juga perlu kerana kita diberi amanah untuk melaksanakannya. Secara tidak langsung jika air tidak dijaga kebersihannya maka akan menyebabkan sumber rezeki dari air berkurangan, ironinya nilai ikan atau air bersih itu dengan sendirinya akan menjadi mahal.

Kebersihan di sini bukan sahaja bermaksud kebersihan diri malah terhadap sumber air. Jika kita terus-menerus mencemarkan sumber air, sudah pasti kos untuk rawatannya juga tinggi, dan kemungkinan sumber air itu tidak boleh dirawat langsung kerana tahap kebersihannya yang begitu kritikal. Sebagai contoh pada tahun 1998, antara sebab gangguan bekalan air adalah akibat penutupan loji pembersih air di Cheras kerana kandungan ammonia di Sungai Langat yang tinggi. Yang sedihnya loji ini telah ditutup tidak kurang daripada 11 kali untuk tahun itu sahaja kerana pencemaran air sungai yang tinggi.

Pada masa kini pencemaran air berlaku dengan begitu meluas dan sewenag-wenangnyanya, sehingga terdapat sungai yang dikategorikan sebagai sangat tercemar. Pencemaran sumber air berlaku akibat manusia kurang bertanggungjawab dan tidak mempunyai perasaan kasihan belas terhadap makhluk yang lain. Manusia yang tamak dan haloba dan mementingkan dirinya sendiri. Manusia yang tidak menghargai nilai- nilai tuntutan Islam ke atas dirinya.

Amaran dan seksaan Allah akibat pencemaran sumber air telah kelihatan dan dirasai sekarang ini. Di antaranya;

Kematian Ikan dan lain-lain akibat sungai yang kotor dan beracun.

---

<sup>30</sup> James, M. Montgomery, *Water Treatment Principles and Design*, Interscience, 1985

<sup>30</sup> Lihat Laporan Tahunan 2000, Jabat Saliran dan Pengaliran. (DID)

Sumber rezeki manusia dan punca air dan sungai yang mula berkekurangan jumlahnya dan diragui pula akan keselamatan untuk menggunakannya. Akibatnya, bahan-bahan tersebut menjadi kian sukar diperolehi dan kian mahal harganya di pasaran. Ini menambahkan lagi bebanan hidup manusia itu sendiri yang terpaksa ditanggung akibat dari perbuatannya sendiri.

Keraguan dan kesangsian manusia terhadap sumber air minuman mereka sendiri, di mana air sungai dan perigi dikhuatiri tercemar dan diracuni bahan merbahaya.

Untuk mengelakkan daripada bahaya tersebut, manusia terpaksa berbelanja besar bagi mendapatkan bekalan air minuman yang bersih dan terjamin. Kini air mineral yang dikenali dalam berbagai jenama menjadi kian popular, lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang berada. Walau apapun hakikatnya, manusia terpaksa menghabiskan wang yang begitu banyak untuk mendapatkan air yang bersih sedangkan keperluannya tidaklah sedemikian rupa sekiranya manusia bijaksana mengurus dan menjaga sumber-sumber air dengan sebaik-baiknya.

### **Pembaziran air.**

Menurut statistik, pada tahun 1970-an, seorang rakyat Malaysia menggunakan tidak lebih 200 liter air sehari. Jumlah ini meningkat kepada 250 liter pada tahun 1980-an dan kini ia mencecah lebih 300 liter sehari. Di kawasan bandar ianya dianggarkan seseorang menggunakan 500 liter air sehari, lebih dari 300 liter dari kadar piawai yang ditetapkan antarabangsa.<sup>32</sup> Sebagai perbandingan seorang di negara India menggunakan hanya 100 liter sehari dan Justeru, penggunaan air yang bijak adalah kunci kepada penyelesaian masalah air. Bayangkan berapa banyak air serta wang yang boleh dijimatkan jika penggunaan air sekarang turun kepada setengah (50%).

Pembaziran juga perlu dikawal oleh pihak berkuasa. Di antara pembaziran yang sering diambil dengan serious ialah mengenal kebocoran paip. Jika pembaziran cara ini tidak dikawal maka kerugian dari segi hasil kutipan serta kerosakan awam akan bertambah.

Kadar kebocoran yang tinggi juga disebabkan oleh paip bawah tanah bocor, terutama yang membabitkan asbestos. Lebih 50% asbestos digunakan dalam sistem bekalan air paip di negara ini.<sup>33</sup> Jika kebocoran hendak dikurangkan, semua paip ini hendaklah digantikan dengan paip yang lebih baik iaitu PVC atau UPVC dan besi. Di Jepun apabila kesemua paip di bandaraya Tokyo, misalnya, telah ditukarkan kepada besi waja dan terbukti kadar kebocorannya menurun menjadi hanya 8% dari jumlah pengeluarannya.<sup>34</sup>

Tiada siapa yang untung di dalam situasi yang begini. Kalau kebocoran tidak diatasi sebanyak manapun air yang dikeluarkan ia tetap tidak mencukupi kerana jumlah kehilangan tetap banyak Pada tahun 1990, purata kebocoran di seluruh negara ialah 43% dan dikurangkan kepada 38% tahun 1998 dan pada tahun 2000 kepada 28%. Walaupun 28% ianya melibatkan 950 juta liter atau RM210 juta.

Kehilangan air tidak semestinya disebabkan oleh kadar kebocoran yang terdapat pada paip-paip air, tetapi ianya juga didorong oleh faktor kecurian. Kecurian air sering kali berlaku terutama di penempatan haram menerusi sambungan haram yang dilakukan. Peliknya walaupun pihak berkuasa mengetahui perkara ini berlaku dengan meluas tetapi mereka mengamalkan konsep tutup mata.

Selain kecurian air, kehilangan air juga berlaku menerusi air yang digunakan untuk memadam kebakaran menerusi paip-paip bomba. Jika kebakaran tinggi secara tidak langsung kehilangan air juga akan menjadi tinggi. Pembaziran juga berlaku kerana sikap manusia yang leka dengan kemewahan air yang ada.

---

<sup>32</sup> Lihat kajian yang dilakukan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang pada tahun 1999.

<sup>33</sup> Laporan 2000, Cawangan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya Malaysia.

<sup>34</sup> The Centre of Science and Environment, *Making Water Everybody Bussiness*, "Chapter 3: Japan", India, 2001

Perasaan bahawa air tidak mungkin habis merupakan satu mentaliti yang sudah terpahat lama di akal fikiran kita. Disebabkan oleh itu jugalah kita tidak mengambil hirau akan pembaziran yang kita lakukan seharian. Selagi sikap kita tidak berubah selagi itulah juga masalah krisis air tetap akan menghantui kehidupan kita di masa akan datang.

Di sebalik semua ini, hakikatnya sumber air tidak pernah bertambah malah kehilangannya sudah semakin terasa kini. Jika langkah kitar semula tidak diamalkan dengan kadar segera, sudah pasti, kita akan mengalami krisis air dalam masa yang terdekat.

Demi menentukan kita mempunyai bekalan air berterusan pada masa depan, pembangunan infrastruktur bekalan air mestilah bergerak selari dengan pembangunan lain. Malaysia wajar melihat secara serius pada contoh Jepun yang mengadakan skim bekalan air yang berasingan bagi industri kerana ini akan mengurangkan permintaan bagi air dari satu sumber sahaja.<sup>35</sup>

Barangkali tidaklah menjadi satu perkara yang sukar untuk memproses semula air-air yang sudah dipakai. Terutamanya dalam pencapaian teknologi yang canggih yang terdapat pada masa kini. Pihak pembangunan sumber air patut memberi perhatian di dalam penggunaan semula air terpakai ini terutama untuk tujuan industri.

Pada tahun 1993, fatwa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Beraja Arab Saudi mengatakan air terpakai yang dikitar semula dan terhindar dari bau, rasa dan warna dianggap sebagai air mutlak iaitu suci dan menyucikan.<sup>36</sup> Ini menunjukkan bahawa air yang dikitar semula Jika sempurna syarat yang telah digariskan boleh untuk digunakan untuk tujuan ibadat, seperti berwuduk dan mandi *janabah*.

Singapura antara negara pertama yang mengorak langkah ke arah penggunaan semula air terpakai dengan pelancaran air yang di beri nama "*newater*". Ianya dilancarkan oleh Perdana Menteri , Goh Chok Tong, pada 21 Febuari 2003. *Newater* merupakan air yang diperoses semula menjadi air bersih yang boleh digunakan secara domestik mahupun pada kegunaan perindustrian. Ianya dilancarkan kerana permintaan air yang meningkat serta permasalahan perjanjian air mentah dengan Malaysia yang begitu kontroversi akhir-akhir ini.<sup>37</sup>

Sebagai individu yang bertanggungjawab, kita boleh mengitar semula dan mengguna pakai kembali air yang telah digunakan. Contohnya, tadah air mandian untuk digunakan untuk menyiram tanaman, air basuhan pinggan mangkuk untuk mencuci tandas dan sebagainya. Dengan cara ini, pembaziran air dapat dielakkan.

Di samping itu, undang-undang juga perlu diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan semula air di kalangan industri-industri berat. Rebet serta potongan cukai juga boleh diberikan sebagai insiatif terhadap penggunaan air yang terpakai.

Islam sebagai sebuah agama yang lengkap, telah menggariskan, sifat membazir serta berlebih-lebihan merupakan satu sifat terkeji yang dianggap menyamai sifat yang dimiliki oleh syaitan. Seperti mana yang dijelaskan di dalam Al-Quran dalam surah Al-Isra' ayat 27.

*Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Rabbnya. (QS. 17.27)*

---

<sup>35</sup> The Centre of Science and Environment, *Making Water Everybody Bussiness*, "Chapter 3: Japan", India, 2001

<sup>35</sup> Izzi, D.M.Y, *Islamic Environmental Ethics: Laws and Society*, Ethics of Environment and Development, Engel (ed), London Belharen Press, Economic And political Weekly, ms 189-198

<sup>35</sup> Lihat laporan Akhbar, Nstp, 22 Feb 2003

<sup>35</sup> Kitab Sahih Bukhari, Jilid 3, buku 40, bermula dari hadis 551 sehingga 555

<sup>36</sup> Lihat laporan Akhbar, Nstp, 22 Feb 2003

<sup>37</sup> Kitab Sahih Bukhari, Jilid 3, buku 40, bermula dari hadis 551 sehingga 555

Islam juga melarang umatnya menggunakan air secara berlebihan walaupun untuk bersuci dan berwuduk. Ini dinyatakan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadisnya yang berbunyi; hadis riwayat Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah;

*'Akan muncul dalam kalangan umat ini satu golongan yang berlebih-lebih dalam bersuci dan berdoa''*

Dalam mencari pendekatan untuk membangunkan sumber air, maka aspek pembaziran juga harus dilihat sebagai salah satu punca utama yang menyebabkan kekurangan air. Pembaziran yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad boleh dilihat dari dua (2) sudut utama.<sup>38</sup>

Sikap membiarkan sumber air tanpa diambil manfaat sepenuhnya. Iaitu membiarkan segala sumber air baik dari langit, laut, sungai dan bawah tanah tanpa digunakan sebaik mungkin, juga dianggap sebagai membazir. Pembaziran dalam bentuk ini masih belum disedari ramai, maka sebab itulah usaha-usaha untuk mengatasinya masih belum ada yang benar-benar serius dilakukan.

Sikap boros dan melebihi had dalam penggunaan air. Penggunaan air secara berlebihan adalah satu pembaziran walaupun ketika itu kita bermewah dengan air. Menurut hukum Islam, orang yang berwuduk dilarang dari menggunakan air dengan secara berlebih-lebihan, kerana hukumnya makruh.<sup>39</sup> Ini menunjukkan bahawa Islam tidak suka melihat umatnya melakukan pembaziran, sekalipun digunakan untuk beribadat.

Sebagai umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad sejauh manakah kita mengikut akan saranan beliau, terutama dari segi pengambilan wuduk dan mandi. Didalam satu riwayat, Anas r.a. ada menyebutkan sukatan air yang baginda gunakan ketika berwuduk dan mandi adalah seperti berikut.<sup>40</sup>

*“Nabi saw biasanya mandi dengan menggunakan satu so<sup>41</sup> sampai lima mud<sup>42</sup> air dan berwuduk dengan hanya satu mud.<sup>43,44</sup>”*

Manusia termasuklah umat Islam nampaknya begitu lemah dalam mencari jalan supaya sumber air hujan yang banyak dapat ditakung dan tidak di biarkan hanyut ke longkang ke sungai dan seterusnya ke laut. Kawasan takungan yang ada di negara ini lebih merupakan takungan semula jadi yang dikurniakan oleh Allah dalam membentuk tasik, danau dan seumpamanya.

Islam menyarankan agar air yang berlebihan ditakung untuk kegunaan masa akan datang, ini termasuk memanfaatkan air hujan. Air hujan boleh ditadah dengan menggunakan melalui saluran air dari bumbung ke bekas takungan. Air ini boleh digunakan untuk siraman pokok disamping dapat mengawal daripada berlakunya banjir.

Kesemua ini telah diterangkan di dalam Al-Quran surah Al-Hijr, ayat 22;

*Dan Kami telah meniupkan angin untuk mengahwinkan (tumbuh-tumbuhan) dan Kami tumbuhkan hujan dari langit, lalu Kami beri minum kamu dengan air itu, dan sekali-kali bukanlah kamu yang menyimpannya. (QS. 15:22)*

Ayat Al-Quran ini antara lain mengingatkan manusia termasuk umat Islam atas kealpaan dan kecuaiian mereka untuk berfikir dan mencari jalan bagaimana sepatutnya mereka turut menyimpan air hujan yang turun itu dan bukannya membiarkan begitu saja.

---

<sup>38</sup> Kitab Sahih Bukhari, Jilid 3, buku 40, bermula dari hadis 551 sehingga 555

<sup>39</sup> Perbuatan yang dibenarkan tetapi tidak digemari.

<sup>40</sup> op. chit

<sup>41</sup> 160 sentimeter.

<sup>42</sup> 200 sentimeter

<sup>43</sup> 40 sentimeter.

<sup>44</sup> ibid

Di Lembah Klang misalnya, setiap kali hujan lebat maka berlakulah banjir kilat, antara cara mengatasinya ialah menakung air hujan daripada membiarkannya begitu saja. Amalan pengumpulan dan penggunaan air hujan bukanlah perkara baru. Amalan ini telah dipraktikkan oleh penduduk Malaysia pada masa dahulu, terutamanya di kawasan luar bandar.

Kini amalan ini hampir pupus berikutan peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia di mana bekalan air bersih diperolehi melalui sistem paip retikulasi secara mudahnya. Namun begitu, krisis bekalan air yang sering berlaku dari semasa ke semasa telah menggerakkan usaha untuk menghidupkan semula amalan tersebut sebagai satu strategi dalam pengurusan air.

Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Air Hujan (SPA<sup>H</sup>)<sup>45</sup> perlu dijanakan dengan kadar segera sebagai satu langkah alternatif pengurusan air secara ekonomik. Garis panduan SPAH menyediakan panduan komprehensif yang meliputi ciri-ciri seperti berikut; ruang tadahan iaitu bumbung bangunan, sistem penyaluran air hujan, peralatan simpanan air hujan dan sistem retikulasi penyaluran.

Penggunaan air hujan juga disyorkan untuk aktiviti-aktiviti yang bukan melibatkan minuman dan makanan seperti berikut; pembersihan tandas, penyiraman tumbuh-tumbuhan, mencuci kenderaan dan pembersihan am.

Mengikut kajian tersebut, penggunaan air untuk keseluruhan aktiviti-aktiviti di atas merupakan hampir 40 % daripada jumlah air yang digunakan oleh setiap rumah pada setiap hari. Garis panduan SPAH juga mengemukakan konsep teknologi reka bentuk pemasangan tapisan, penyaluran dan penyimpanan supaya bahan-bahan yang mencemari kualiti air dapat dihalang dan memasuki tempat simpanan.

Selain itu, prosedur dalam mengawal pembiakan nyamuk dan penyenggaraan sistem juga ditekankan supaya tahap kebersihan sentiasa terjaga. Garis panduan SPAH ini juga menunjukkan beberapa konsep reka bentuk tangki takungan yang menarik untuk diintegrasikan dengan reka bentuk bangunan-bangunan yang dibina.

Sistem ini telah terbukti berkesan dalam mengurangkan kadar bil air di rumahnya. Melalui sistem ini, air hujan ditakung di dalam tangki khas dan disalurkan masuk ke pam tandas.

Konsep ini juga boleh digunakan oleh sektor perindustrian dan komersial yang tidak memerlukan air rawat. Sistem alternatif ini juga boleh diamalkan untuk kegunaan pengairan taman rekreasi, melawan kebakaran serta kegunaan tandas- tandas awam.

Adalah amat diharapkan agar kerajaan bersetuju garis panduan SPAH dijadikan sebagai satu bukan bagi kumpulan profesional, pemaju, kontraktor dan juga orang awam dalam usaha menggalakkan penggunaannya memandangkan ia menyokong konsep pembangunan mapan (*sustainable development*) di mana sumber asli digunakan ke tahap optimum.

Terfikirakah kita sejauh manakah kita telah membazir dalam penggunaan air seumur hidup kita walaupun dalam menunaikan kewajipan kita. Sebagai manusia yang dianugerahkan akal oleh Allah, kelebihan yang memisahkan kita dengan haiwan, marilah kita bertindak segera menjimatkan penggunaan air bagi menjamin bekalannya tidak terganggu pada masa hadapan.

Sebagai seorang manusia, kita hanya memerlukan 50 liter yakni lebih kurang 30 botol air mineral bersaiz 1 kg air sehari sebagai keperluan asas. Jumlah yang digunakan untuk minuman ialah sebanyak 5 liter, proses kebersihan peribadi sebanyak 20 liter, mandi sebanyak 15 liter dan penyediaan makanan sebanyak 15 liter. Walaupun begitu, penggunaan air mampu mencapai 500 liter bagi setiap individu yakni bersamaan 333 botol air mineral bersaiz 1 kg sekiranya sikap suka membazir tidak dikawal.

---

<sup>45</sup> Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Cadangan SPAH, 2000.

## Kawasan tadahan air

Dari fakta geographi,<sup>46</sup> kebanyakan air yang mengalir ke sungai lazimnya berpunca dari kawasan perbukitan atau pergunungan berhutan tebal. Apabila hujan turun ke bumi, sepertiga (1/3) darinya akan diserap oleh tumbuh-tumbuhan, dan selebihnya diserap menjadi air bawah tanah. Ini adalah proses alam yang terjadi, sekiranya proses ini tidak terganggu oleh apa-apa aktiviti penebangan pokok dan pengondolan muka bumi.

Jika keseimbangan ini digangu gugat oleh aktiviti-aktiviti tidak bertanggungjawab, ia akan menyebabkan peningkatan pengaliran air ke permukaan bumi yang dikaitkan dengan masalah pencemaran, banjir dan tanah runtuh, ini juga yang disebut sebagai malapetaka. Gangguan di kawasan tadahan air akan mengakibatkan kadar pemedakan yang melebihi kadar semulajadi, justeru, mengurangkan kadar produktiviti sesebuah empangan yang terletak berhampiran dengan kawasan tersebut.<sup>47</sup>

Aktiviti pembalakan tidak patut dijalankan di hutan tadahan air. Hutan tadahan air menyediakan perkhidmatan dari segi ekologi, persekitaran dan ekonomi yang penting kepada kehidupan, yang akan terganggu akibat aktiviti pembalakan atau pembangunan di hutan tersebut.

Pemeliharaan hutan dan perlindungan alam sekitar adalah penting bagi Malaysia. Pengurusan hutan secara berkekalan, termasuk penubuhan Hutan Simpan Kekal (HSK) adalah untuk memastikan keluasan hutan asli yang mencukupi bagi mengekalkan kualiti dan kestabilan alam sekitar.<sup>48</sup> Undang-undang hutan bagi negeri dan persekutuan, ada memperuntukkan peraturan bagi mewartakan kawasan hutan sebagai HSK. Pewartaan pertama mengikut undang-undang negeri bermula sejak awal tahun 1900an. Sejak berkuatkuasanya Enakmen Hutan 1934, kebanyakan hutan-hutan berhasil telah diwartakan sebagai HSK.<sup>49</sup>

Selain dari Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, yang dipinda bagi memasukkan Impak Alam Sekitar (EIA) yang berkuatkuasa pada 1987 mensyaratkan juga semua aktiviti melibatkan kawasan berhutan memerlukan kepada EIA seperti berikut:

Skim pembangunan tanah yang melibatkan kawasan seluas 500 hektar atau lebih kawasan tanah berhutan kepada kegunaan tanah yang lain;

Sistem perparitan kawasan berpayau, Kawasan hidupan liar atau hutan dara yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih;

1. Projek akuakultur darat yang melibatkan pembersihan Hutan Paya Laut seluas 50 hektar atau lebih;
2. Penukaran tanah hutan bukit kepada kegunaan lain-lain yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih;
3. Pembalakan atau penukaran tanah hutan kepada kegunaan lain-lain dalam kawasan tadahan air atau empangan air untuk bekalan air tempatan, pengairan atau penjanaan kuasa elektrik atau kawasan yang berhampiran dengan taman-taman negeri dan negara dan taman marin negara;
4. Pembalakan meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih;
5. Penukaran tanah Hutan Paya Laut kepada industri, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih;
6. Pembersihan Hutan Bakau di pulau-pulau yang berhampiran dengan taman marin negara; dan
7. Lain-lain aktiviti yang mempengaruhi hutan, seperti penambakkan tanah pantai, tebus gunatanah dan projek penjanaan kuasa elektrik.

---

<sup>46</sup> Gerard Kiely, *Environmental Engineering*, McGraw Hill, 1996, ms 27.

<sup>47</sup> Op cit.

<sup>48</sup> Jabatan Perhutanan Malaysia, Laporan Tahunan 2002.

<sup>49</sup> Op cit.

Di Lembah Kelang terdapat 23 kawasan pengumpulan air dan 5 buah empangan utama, iaitu Empangan Semenyih, Empangan Langat, Empangan Selangor (Sungai Tinggi), Empangan Klang Gate dan Sungai Tinggi dan kesemuanya diwartakan sebagai kawasan tadahan hujan.<sup>50</sup>

Sebahagian besar kawasan tadahan adalah terletak di dalam daerah Hulu Langat. Terdapat 5 hutan simpan iaitu Hutan Simpan Sungai Lalang, Hutan Simpan Hulu Langat, Hutan Simpan Hulu Semenyih, Hutan Simpan Sungai Jeluh dan Hutan Simpan Bukit Sungai Putih merangkumi kawasan seluas 30,838 hektar.

Tetapi lihat apa yang terjadi, kedudukan daerah Hulu Langat yang bersebelahan dengan Kuala Lumpur, Putrajaya dan KLIA menyebabkan banyak aktiviti pembangunan dan pertumbuhan industri di daerah ini. Daerah Hulu Langat telah dimasukkan sebagai kawasan industri 'High Tech' dalam Dasar Pengkhususan Daerah Negeri Selangor (Majlis Daerah Kajang).<sup>51</sup>

Pertambahan penduduk yang semakin pesat telah menambahkan aktiviti manusia dan seterusnya menambahkan bilangan rumah, kewujudan bandar-bandar baru, kilang-kilang perindustrian kecil dan sederhana, pembukaan tanah baru tanpa kawalan, penerokaan hutan dan loji rawatan kumbahan yang berhampiran dengan sungai akan memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Kegagalan memulihara khazanah semula jadi ini mungkin menyebabkan bekalan air bersih yang kita gunakan setiap hari serta oksigen yang disedut tidak mencukupi. Mari kita selusuri akan kegagalan ini.

Rezab Hutan Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Rezab ini merupakan sebuah bukit kecil seluas 16 hektar yang terletak di tengah Kuala Lumpur dan digazetkan pada tahun 1934. Sekarang ianya telah menjadi hutan rekreasi dan Menara Kuala Lumpur terletak di dalam rezab ini.

Rezab Hutan Klang Gate, Kuala Lumpur. Rezab asal telah ditubuhkan pada tahun 1936 dengan keluasan 403 hektar dan sekarang diduduki oleh Kelab Golf di Raja Selangor.

Rezab Hutan Bukit Fraser, Selangor Rezab ini ditubuhkan pada tahun 1922 merangkumi kawasan curam seluas 2,979 hektar dan kebanyakan daripada ketinggian kawasan ini melebihi daripada 1,000 meter. Ketika ini kawasan rezab ini sedang dibina Empangan Sungai Selangor 2, serta kawasan perlancongan Bukit Fraser.

Taman Botani (Botani Heights) di Kota Damansara kini telah dipindahkan ke Bukit Cerakah, untuk memberi laluan kepada pembangunan di kawasan tersebut. Taman Botani ini, diserahkan kepada Kementerian Pertanian selepas mendapat persetujuan Kabinet pada tahun 2002. Rancangan menguruskan Taman Botani tidak mendapat sambutan daripada pihak swasta kerana ia tidak mendatangkan hasil kecuali mereka diberi peluang untuk membangunkannya.

Sebenarnya Dasar Hutan Kebangsaan diwujudkan pada 1978, disusuli dengan Akta Perhutanan Negara 1984, bagi menjamin pengurusan hutan tidak dipandang remeh dan terabai. Sehingga kini, program pengurusan hutan mapan merangkumi 12.74 juta hektar manakala 1.16 juta hektar dijadikan taman negara, perlindungan hidupan liar dan hutan simpanan. Pada masa yang sama, 6.2 juta hektar dikhaskan bagi tujuan pembangunan ekonomi negara dan sebarang kaedah pembalakan diharamkan sama sekali dalam kawasan yang diwartakan itu.<sup>52</sup>

Secara kontrasnya, apa yang dinyatakan oleh FRIM, pembalakan haram ataupun penerokaan tanah, masih lagi berlaku. Ini boleh dibuktikan dengan jadual dibawah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negara pada tahun 2001, lihat sahaja Selangor pada tahun itu sudah membuka 4,033 hektar tanah hutan, bayangkan pula pada tahun-tahun sebelumnya.

---

<sup>50</sup> Jabatan Bekalan Air, Laporan Tahunan 2002.

<sup>51</sup> Majlis Daerah Kajang, Laporan Tahunan 2002.

<sup>52</sup> FRIM, Laporan Tahunan FRIM 2001.



Pada hakikatnya, cara pengurusan hutan serta pemuliharaan koleksi fauna serta flora tempatan wajar dikaji semula dan strategi lebih mantap perlu dirumus. Ketika ini kita harus memilih antara hutan hujan tropika menghidu dengan pelbagai sumber semula jadi atau tanah landai yang gondol tanpa sebarang kehidupan, tepuk dada, tanyalah selera.

Punca air terutama sungai dan mata air mestilah dipelihara dengan baik supaya ia tidak kering. Yang dimaksudkan dengan memelihara punca air ialah mengawal penebangan di kawasan punca air. Kerajaan dianjurkan untuk mengawal seketat-ketatnya pembangunan di kawasan tadahan serta tanah tinggi kerana projek jalan dan lebuhraya, perumahan, resort dan pusat peranginan di kawasan itu dikenali pasti boleh menyebabkan hakisan tanah di tebing curam dan menghanyutkan air lumpur ke sungai. Pakar-pakar air ada menegaskan bahawa dalam jangka masa panjang, kawasan tadahan air mesti dilindungi dan dikekalkan untuk kesinambungan hidup manusia dan makhluk-makhluk yang lain.

Dana Kehidupan Liar Sedunia (WWF) menyatakan,<sup>53</sup> kawasan tadahan, khususnya di banjaran Titiwangsa adalah punca bagi sejumlah besar sungai yang penting di negeri-negeri Kelantan, Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Hampir kesemua sungai utama yang bermula dari banjaran itu adalah sumber air yang penting. Pada 1994,<sup>54</sup>

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menggesa negeri-negeri melindungi kawasan tadahan air dan menyatakan kebimbangan terhadap pembalakan di kawasan-kawasan ini dan pembinaan laluan lori yang mengakibatkan hakisan tanah dan pencemaran. Kementerian ini juga meminta setiap kerajaan negeri mewartakan kawasan-kawasan tadahan supaya tidak ada pencerobohan berlaku di kawasan tersebut.<sup>55</sup>

Saranan ini juga sejajar dengan firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 205 yang bermaksud;

*Dan apabila ia berpaling (dari mukamu), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerosakan padanya, dan merosak tanaman-tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan. (QS. 2:205)*

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa melakukan kerosakan di bumi adalah perbuatan yang dikeji dan pelakunya akan mendapat kehinaan dan keseksaan dari Allah. Kerosakan yang dilarang dilakukan oleh manusia termasuklah melakukan pemusnahan kepada tanaman, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Maka berdasarkan ayat ini bolehlah disimpulkan, orang yang menyebabkan pokok tidak dapat hidup, tanaman tidak boleh tumbuh dan subur dan binatang di laut, di sungai dan di darat tidak boleh hidup dan membiak adalah orang yang melakukan kerosakan di bumi ini.

Islam juga menganjurkan konsep penghijauan bumi seperti mana sabda nabi yang berbunyi,

*"Tidak ada dari kalangan umat Islam yang menanam sesuatu tumbuhan atau menambah sesuatu tanaman dan buahnya dimakan oleh burung atau manusia atau haiwan yang lain, melainkan dibalasnya dengan pahala sedekah. "Riwayat Muslim.*

Konsep ini juga menegahkan konsep yang dikenali sebagai *Fardu Kifayah*, yang mana jika ada mana-mana umat Islam yang melakukannya, maka tiada yang berdosa, jika tiada; kesemuanya akan menanggung akan dosa tersebut.

---

<sup>53</sup> WWF All Asia Aual Report 2000, WWF Malaysia, Petaling Jaya 2001

<sup>54</sup> Lihat arahan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, <http://www.kstas.gov.my/arahan>, 02 Jun 2001

<sup>55</sup> Saranan ini sejajar dengan Seksyen 4, Akta Pemuliharaan Tanah, 1960.

Masalah penebangan pokok menjadi satu isu yang dibincangkan secara hangat dewasa ini. Ini menggambarkan betapa manusia ketika ini mula takut dan bimbang akan kehilangan sumber air.<sup>56</sup> Agama Islam melihat masalah kemungkinan pemusnahan tumbuh-tumbuhan oleh manusia lantaran dari sikap rakus dan tamakkan harta dan kekayaan.

Sebenarnya konsep ini sama dengan konsep “*harim*” yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Islam telah dapat melihat tentang penggodolan tanah serta penebangan pokok di kawasan punca air akan menjadi masalah, maka nyata apa yang digariskan 1420 tahun dahulu ada benarnya, dan perlu diikuti untuk kesejahteraan umah sekarang dan masa hadapan.

Kerana itu Islam telah mengingatkan manusia dan umatnya supaya jangan melakukan kerosakan di muka bumi sebab kerosakan yang mereka lakukan itu akan mendatangkan keburukan ke atas mereka jua. Harim seperti yang telah diperjelaskan dalam bab yang lepas, merujuk kepada kawasan haram ataupun larangan. Ianya bertujuan untuk menjaga tekanan sumber air termasuklah menjaga akan kawasan tadahan hujan. Harim juga merujuk kepada larangan memotong pokok ataupun melakukan pembangunan di dalam satu lingkungan untuk menjaga sumber air itu dari tercemar dan musnah.<sup>57</sup>

### **Pengurusan yang tidak bijak.**

Negara dijangka mengalami masalah bekalan dan sumber air menjelang 2010. Persatuan Air Malaysia (MWA), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Tabung Alam Malaysia (WWF) masing-masing bimbang krisis itu berikutan kadar pertumbuhan pembangunan, perindustrian serta penduduk yang pesat terutama di pantai barat. Pembangunan turut merebak ke kawasan tadahan hujan dan mengakibatkan pencemaran sungai yang menjadi sumber utama bekalan air. Lembah Klang pula dijangka menghadapi masalah yang sama apabila semua sumber air di Selangor habis dimanfaatkan pada 2008

Semenjak kita mengalami krisis air, banyak pengajaran yang telah kita pelajari. Sama ada kita akui secara terbuka, atau sebaliknya, secara umumnya, kita nampaknya akur bahawa pengurusan air di negara ini masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Kita juga nampaknya tidak begitu profesional, kurang proaktif dan ada kalanya terlalu birokratik sehingga mengeneipkan soal pokok kerana terheret dengan soal-soal sampingan. Sebagai contohnya, tentang penindihan kuasa di antara jabatan-jabatan berkuasa yang menyebabkan satu pihak menunding jari kepada pihak yang lain tanpa berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Apabila membicarakan mengenai pengurusan sumber air maka perkara yang terpenting untuk dibincangkan ialah mengenai pembangunan diri manusia itu sendiri. Manusia telah diberi tanggungjawab oleh Allah s.w.t untuk mengurus, mentadbir dan menggunakan air dengan sebaik-baiknya. Maka manusia telah ditentukan peranannya dengan jelas menerusi firman Allah dan juga penjelasan oleh Nabi Muhammad menerusi sunnah-sunnahnya.

Manusia adalah makhluk Allah yang termulia dan istimewa. Kemuliaan manusia bukan setakat keindahan kejadiannya, tetapi kerana beberapa keistimewaan yang lain iaitu manusia mempunyai nafsu keinginan, akal fikiran dan hati nurani yang mampu tunduk dan patuh kepada Allah berbanding dengan makhluk Allah yang lain.<sup>58</sup>

Namun begitu kemuliaan yang diiktiraf itu tidaklah mutlak. Manusia boleh terjatuh kelembah kehinaan yang paling dasyat sekiranya dia mengingkari perintah-perintah yang ditentukan oleh Allah kepadanya. Surah At-Tin, ayat 4 hingga 6.

---

<sup>56</sup> Jamaluddin Md Jahi, *Pengurusan Alam Sekitar Di Malaysia*, UKM 2001. serta Impak Pembangunan di Malaysia, UKM 1996, muka surat 36

<sup>57</sup> Sahih Bukahri, Jilid 3, Buku 40, no. 557.

<sup>58</sup> John L. Esposito, *Islam: The Straight Path*, Oxford University press, 1998

*“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (neraka), kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh; maka bagi mereka pahala yang tiada putus-putusnya.” (QS. 95:4-6)*

Manusia dijadikan dan dipilih khusus oleh Allah untuk memikul tanggungjawab yang besar di dunia ini. Manusia diberi peranan sebagai khalifah atau penguasa. Kepada manusialah seluruh dunia ini diperuntukkan dan untuk kegunaan merekalah segala apa yang ada di langit, di bumi dan di antara keduanya. Seajar dengan firman Allah dalam surah *Al-Baqarah* ayat 29 dan surah *Al-An'am* ayat 165.

*Dia-lah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit! Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu. (QS. 2:29)*

*Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebagian kamu atas sebagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (QS. 6:165)*

Peranan manusia tidaklah setakat menggunakan apa yang ada, tetapi lebih dari itu, iaitu mempelbagaikan berbagai produk dari penggunaannya, serta memperbaiki kualiti dan mutu segala sumber rezeki tersebut.<sup>59</sup> Allah telah berfirman di dalam *Al-Quran* yang bermaksud (*Hud* 61);

*Dan kepada Tsamud (Kami utus) saudara mereka Saleh. Saleh berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada bagimu ilah selain Dia. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan pemakmurnya, karena itu mohonlah ampunan-Nya kemudian bertaubatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Rabbku amat dekat (rahmat-Nya) lagi memperkenankan (do'a hamba-Nya)". (QS. 11:61)*

Maksud perkataan “*makmur*” di sini ialah saranan untuk manusia lebih berusaha supaya ramai penduduknya dapat menghasilkan lebih banyak hasil dan sejahtera hidup padanya. Secara ringkasnya, manusia dijadikan penghuni dunia untuk menguasai dan memakmurkan dunia. Maka dalam hubungan ini usaha membangunkan sumber air adalah sebahagian daripada proses pemakmuran yang dituntut oleh Allah menerusi ayat tersebut.<sup>60</sup>

Di samping perkara falsafah yang diketengahkan, manusia juga perlu kepada perancangan yang teliti di dalam pengurusan sumber air. Sepatutnya sebelum sesuatu bekalan air diwujudkan adalah sangat mustahak beberapa fakta tertentu perlu dikaji dan dikenal pasti. Perancangan sumber air di Lembah Klang sebenarnya melibatkan kepada tiga (3) perkara utama, iaitu;

### **Menentukan Keperluan Semasa dan Akan Datang.**

“*Water demand*” yang diperlukan oleh pengguna sehingga ke tahun yang ditetapkan. Satu kajian terperinci diperlukan untuk mengetahui keperluan air untuk sesuatu masa dan tempat. Kajian ini diperlukan kerana ianya dapat memberikan satu bentuk gambaran yang jelas tentang sebanyak mana air yang patut disediakan untuk keselesaan pengguna keseluruhannya. Iaitu beralih adari pengurusan tradisional kepada pengurusan permintaan.

Kita harus berani berganjak dari pengurusan bekalan tradisional, iaitu menguruskan pembekalan air tanpa mempunyai maklumat sejauh manakah pengeluaran air itu perlu kepada pengguna, kepada

---

<sup>59</sup> Ba Kader, A.B., Basic Paper on *The Islamic Principles for The Conservation of The Natural Environment*, IUCN, Gland, Switzerland, 1983.

<sup>60</sup> Izzi, D.M.Y., *Islamic Environmental Ethics: Laws and Society, Ethics of Environment and Development*, Engel (ed), London Belharen Press, Economic And political Weekly, ms 189-198

pengurusan permintaan, yang bergantung sepenuhnya kepada sumber dan bekalan yang mampu diberikan kepada pengguna.

Pengurusan permintaan ialah, kita harus mengambil kira tentang semua perkara secara keseluruhan. Bermula dari kapasiti sumber yang kita miliki, diikuti dengan keperluan pengguna, samaada penggunaan domestik, perindustrian mahupun pertanian. Ianya juga bermaksud, sumber air (sungai) perlu dikaji bagi menentukan kemampuan pengalirannya dan apa jenis dan sejauh mana pembangunan yang dapat diterima di kawasan tersebut. Dari data yang terkumpul ini, maka ianya boleh dijadikan sebagai rujukkan kepada pihak yang berwajib tentang perancangan pembekalan air di masa hadapan.

Sejajar dengan itu, bekalan air dapat disalurkan kepada pengguna berdasarkan kepada permintaan yang diperlukan selaras dengan kapasiti yang ada. Secara tidak langsung pengguna akan dapat bekalan secukupnya. Ini akan menyebabkan pengagihan yang lebih teratur dan adil serta dapat mengelakkan dari kekurangan bekalan air di sektor-sektor tertentu.

Kesemua ini sudah dinyatakan di dalam Al-Quran, Surah Yusuf ayat 47 sehingga 48 yang bermaksud;

*"Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh selama tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah dia pada tangkai-tangkai; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)."*

Jelas menunjukkan bahawa Islam sendiri menganjurkan pengurusan berdasarkan perancangan dan kemampuan dengan mengambil kira akan kemampuan pembekalan tersebut, supaya di hari darurat, kita tidak kesempitan

Apabila keperluan dan sumber air sudah diketahui maka peringkat agihan memainkan peranan yang penting. Agihan perlu dilakukan berdasarkan permintaan dan keperluan. Jika agihan dilakukan dengan sempurna, persoalan tentang ketidak cukupan air tidak akan timbul sama sekali.

Di samping itu, pengurusan ini perlulah bersifat "terpacu-pembangunan" (*development-driven*). Dan ianya perlu diimbangi dengan pemeliharaan, pembaikpulihan, penambahbaikan serta perlindungan ke atas unsur-unsur sekitaran sumber air.

### **Sistem Pengeluaran Air yang Sesuai dan Mencukupi.**

Kita seharusnya mempunyai satu sistem pengeluaran yang sesuai dan mencukupi sehingga tahun yang ditetapkan. Ini bermakna apabila kajian tentang keperluan sudah dapat dicapai (berdasarkan kepada pengurusan permintaan) maka tugas untuk mencari serta mendapatkan sumber akan lebih menjadi mudah dan teratur.

Ini bermakna, apabila kajian sudah dilaksanakan maka kita dapat mengetahui tentang kapasiti sumber air yang kita miliki. Jika kajian itu mendapati sumber air tawar kita tidak mencukupi, maka kita haruslah bersiap-sedia untuk mencari sumber air alternatif, seperti pemindahan dari negeri yang mempunyai lebihan air ataupun menggunakan sumber air bawah tanah.

Secara tidak langsung, pembekalan air tidak akan terputus kerana kita sudah bersiap sedia dengan sumber pilihan lain. Ini juga akan dapat memankinkan perkembangan ekonomi negara kita. Industri-industri perusahaan pastinya berani untuk melabur di Malaysia kerana kecekapan pengurusan sumber yang kita miliki. Dengan adanya industri-industri ini, akan menyebabkan peningkatan Keluaran Dasar Negara Kasar (KDNK) serta mengurangkan kadar pengangguran dan inflasi di negara kita.

## **Perundangan.**

Ketika ini kuasa dan kaedah pengurusan air adalah milik kerajaan negeri kerana pengurusan air berkaitan dengan pengurusan tanah. Persoalannya sekarang air tidak hanya boleh diperolehi dari sumber bawah tanah, bahkan daripada air permukaan seperti sungai dan tasik. Sistem air permukaan ini tidak hanya terhad dalam sesuatu sempadan geo-politik.<sup>61</sup> Bagi sesuatu sistem sungai contohnya, tadahan hujan merentasi sempadan sesuatu daerah atau negeri. Ia juga membabitkan daerah dan negeri yang berjiran yang terangkum dalam sesuatu ekosistem tadahan hujan. Oleh itu kita memerlukan satu badan kawal selia berpusat seperti Majlis Sumber Air Negara (*MSAN*).

Majlis Sumber Air Negara, pertama kali disarankan, adalah pada tahun 1983 ekoran dari kajian sumber air kebangsaan pada tahun 1978 dan berikutan dengan itu juga, Jabatan Pengaliran dan Saliran (*JPS*) dengan bantuan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNDP*), mendapatkan khidmat seorang pakar air yang menggubal pelan struktur bagi Kanun Air Negara untuk penubuhan majlis tersebut. Sebaliknya cadangan yang dikemukakan kepada kerajaan negeri ditolak, malah dicadangkan pula supaya Kanun Tanah Negara yang di pecah dua hingga terhasil undang-undang tanah persekutuan dan negeri.

Majlis Air Negara telah ditukarkan namanya Kepada Majlis Sumber Air Negara (*MSAN*) dan ditubuhkan kembali pada tahun 29 Jun 1998 sempena dengan krisis air yang melanda ketika itu. Urusetia Majlis ini ditempatkan di Jabatan Kerja Raya Malaysia. Akantetapi peranannya serta kewujudannya ketika ini agak kabur. Secara amnya saya menyarankan agar Majlis Sumber Air Negara perlu dihidupkan kembali serta diberi kuasa yang lebih, seperti mana yang diberikan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (*SUHAKAM*).

Ketika ini air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Negeri-negeri dianjurkan mempunyai jawatankuasa air masing-masing, bagi menentukan jumlah air yang boleh mereka simpan dan yang boleh diperuntukkan kepada pihak lain. Jika sebelum ini ada negeri membantah cadangan memusatkan perancangan pentadbiran dan pengurusan bekalan air, sentimen takut kepada Kerajaan Persekutuan harus di padam jika menginsafi kepentingan umum pada masa depan.

Majlis Sumber Air Negara perlu bertindak sebagai penyelaras di dalam menangani masalah yang semakin ketara iaitu pengagihan air antara negeri kerana hakikat wujud bekalan air yang tidak seimbang. Contohnya, Pulau Pinang boleh mengimport air dari Empangan Sungai Rui, Perak melalui Sungai Ketil, Baling ke Sungai Muda, Kedah, sebelum disalurkan ke pulau itu. Bagi Melaka pula mereka boleh mengimport air dari Sungai Muar, Johor. Pada masa depan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka mahupun Johor boleh mengimport air dari Pahang.

Tidak boleh dinafikan memang akan berlaku konflik antara negeri dan cara mengatasinya hanya dengan mengahlikan wakil negeri, jabatan dan agensi kerajaan terbabit di dalam Majlis seperti ini. Sebarang masalah boleh dikemukakan dan dibincangkan di peringkat tertinggi majlis. Apa yang boleh di sarankan ialah agar pengurusan sumber air diletakkan di bawah seliaan dan kawalan kerajaan Pusat seperti mana yang berlaku kepada elektrik. Secara tidak langsung keberkesana dan agihannya lebih berkesan dan teratur.

Selain daripada itu, pertindihan kuasa di antara Kementerian dan Jabatan Persekutuan di dalam pengurusan air hendaklah di atasi segera. Adalah lebih baik jika kesemua perkara yang melibatkan pengurusan air dari sumber sehingga ke pembekalannya diletakkan dibawah satu Jabatan ataupun kementerian yang tertentu. Ataupun boleh dicadangkan kewujudan Kementerian baru, yang dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, yang dapat mengawal selia keseluruhan hal yang berkaitan dengan sumber asli seperti air dan elektrik.

---

<sup>61</sup> Senarai 1, Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan

Disamping itu, kerajaan juga boleh menggubal satu akta pembekalan air ketika krisis, seperti pengagihan berdasarkan kepada keperluan isi sesebuah rumah dengan purataan kegunaannya. Sebagai contoh, purataan yang diggariskan oleh UN ialah sebanyak 300 liter sehari, di darabkan dengan isi rumah contohnya lima (5) maka pembekalan yang harus disalurkan ialah 1500 liter sehari. Secara tidak langsung apabila konsep ini dilaksanakan, agihan air ketika krisis akan lebih sistematik dan dapat disalurkan kepada kesemua pihak dengan jayanya.

## **ISU-ISU PENGURUSAN AIR**

Ketika ini, isu-isu pengurusan air seringkali diperdebatkan namun kemana kesudahannya masih lagi dicari-cari. Dua isu utama pengurusan air yang hangakt diperkatankan ialah mengenai isu penswastaaan pembekalan air dan hak rakyat di dalam perlembagaan.

## **PENSWASTAAAN BEKALAN AIR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Pada tahun 2001 timbul cadangan untuk menswastakan pembekalan air. Idea ini timbul untuk menjadi alternatif kepada penaggulan krisis yang timbul sekarang. Idea ini dikemukakan sendiri oleh Menteri Kerja Raya, Dato' Seri Samy Vellu ketika merasmikan Persidangan Air tahunan yang di adakan di Sri Kembangan baru-baru ini.<sup>62</sup> Idea itu juga telah disaran serta disokong sepenuhnya oleh Perdana Menteri kita yang tercinta Dato' Sri Dr Mahathir Mohammad.

Air merupakan satu asset yang amat penting bagi setiap orang yang bergelar muslim. Bukan hanya kerana keperluan duniawi iaitu seperti minum dan membasuh. Ianya juga digunakan untuk tujuan beribadat, seperti mengambil wudhuk, mandi serta menyucikan diri dan pakaian.

Terdapat dua ayat yang merujuk secara khusus mengenai betapa pentingnya pengurusan air itu.

*“Dan kami turunkan air dari langit dengan kadar (sukat)...” (40:18).*

Ayat ini menunjukkan bahawa air yang diturunkan itu sebenarnya telah disukat pemberiannya oleh Allah dengan secukup-cukupnya, untuk kegunaan seluruh makhluknya dulu, sekarang dan pada masa hadapan.

*“wahai anak Adam, makan dan minumlah dan jangan membazir, kerana Allah tak suka pada orang yang membazir.” (7:31)*

Ayat ini membuktikan secara nyata bahawa air yang diberikan oleh Allah itu jika tidak diuruskan dengan baik seperti berlakunya pembaziran sudah tentu ianya tidak cukup untuk kegunaan ramai.

Kita tidak boleh menafikan bahawa air amat perlu kepada semua orang, tidak kira bangsa mahupun agama. Tanpa elektrik, telefon, internet mahupun makanan manusia masih lagi boleh bertahan untuk beberapa hari. Tapi tanpa air ianya hampir mustahil sama sekali. Dalam Islam, air dianggap sebagai satu pemberian mutlak dari Allah. Secara amnya tidak ada individu yang berhak secara total terhadap penguasaan air. Seperti yang dinyatakan di dalam hadis nabi.

Di dalam perubahan zaman ketika ini kerajaan masih boleh lagi meneruskan dasar keadilan sosial yang diteraskan oleh rasullullah. Keadilan yang dimaksudkan di sini ialah hak kesemua rakyat untuk memperolehi pembekalan air yang secukupnya. Dalam Islam, kerajaan berhak untuk mendapat pulangan dari pelaburan yang digunakan dalam proses pembekalan air. Pekara ini juga telah diputuskan dan diamalkan oleh kerajaan Arab Saudi bermula dari tahun 1994.<sup>63</sup>

Permasalahan yang timbul sekarang, sejauh manakah air boleh diperdagangkan seolah-oleh ianya merupakan satu komoditi. Pertamanya, perlulah diingat bahawa perniagaan merupakan satu pekara yang amat digalakkan di dalam Islam. Ada hadis yang meriwayatkan bahawa 90% dari pekerjaan di

<sup>62</sup> Lihat Laporan Utusan Malaysia, 18 Mac 2001.

<sup>63</sup> Al-Fatwa fi Al-Ma P, *Syura Al-Kubra Li -Saudiiah*, Majlis Al-Fatwa, 1994.

dunia ini adalah berasaskan perniagaan. Rasulullah sendiri mencari rezekinya dengan melakukan perniagaan. Jolokkan “*Al-Amin*” merupakan nama pemberian kerana amanahnya Baginda di dalam mengurus niaga.

Keduanya, air dijadikan sebagai barang dagangan telah terbukti dengan pengasingan kanun tanah dan air di zaman Rasulullah lagi. Iaitu tanah yang memiliki sumber air yang digunakan oleh orang ramai tidak boleh dimiliki oleh mana-mana pihak. Ini termasuklah laut, sungai dan tasik. Di samping itu ketika perkembangan ekonomi sedang rancak berjalan di Madinah, barang yang mula-mula diperdagangkan ialah hasil tanaman, seperti gandum dan kurma, kemudian air (untuk kegunaan minuman, pertanian dan ternakan) dan ianya diikuti dengan perniagaan yang berlandaskan pertukaran wang.

Disamping itu terdapat juga bukti sampingan di mana Rasulullah tidak pernah melarang penjualan air yang diusahakan oleh sesuatu pihak, iaitu air yang dijual terus dari bekasnya. Malah baginda tidak pernah meletak sebarang harga pada penjualannya.<sup>64</sup>

Timbul pula permasalahan baru, bagaimana untuk meletak atau menilai harga air yang hendak dijual, berlandaskan ajaran Islam. Secara tuntasnya, terdapat tiga penilaian yang harus diletakkan di dalam menentukan tarif air. Tarif itu hendaklah meliputi kos keseluruhan pembekalan air ditambah dengan sedikit keuntungan yang sejajar dengan pasaran semasa. Sejalan dengan Islam sebagai sebuah agama yang menyeluruh, tarif air juga boleh meliputi harga kos rawatan, pembersihan dan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air. Tarif air juga boleh meliputi kos keseluruhan perkhidmatan termasuk khidmat pendidikan terhadap penggunaan air untuk lebih berjimat dan cermat.

Sebenarnya penswastan bekalan air bukanlah isu utama apabila negara kita menghadapi krisis air. Tidak terfikir kita, betapa peliknya sesebuah negara yang mempunyai limpahan hujan serta sumber air yang banyak boleh menghadapi krisis begini. Emas yang membukit akan habis jua jika selalu dikikis. Begitu juga dengan air, jika tidak digunakan secara cermat serta diuruskan secara bijaksana, sebanyak mana yang kita miliki sekalipun pasti ianya tidak cukup jua.

Walaupun Islam membenarkan penswastan pembekalan air ini tidak bermakna ianya merupakan sesuatu yang amat digalakkan. Apa yang lebih baik ialah pegabungan di antara awam dan swasta, di mana pihak swasta terlibat di dalam pengurusannya dan awam di dalam pemilikannya. Secara tidak langsung ianya dapat menghasilkan keseimbangan dari segi kualiti, kuantiti dan keberkesanan sesebuah perkhidmatan pembekalan air itu.

## **AIR DAN PELEMBANGAAN MALAYSIA**

Perkara mengenai air juga ada diperuntukkan di bawah perlembagaan. Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan, yang bermaksud seperti berikut;

1. Tiada seorang pun boleh dilucutkan haknya terhadap harta (termasuk) air kecuali melalui undang-undang.
2. Tiada undang-undang boleh membuat peruntukan mengenai pengambilan atau penggunaan harta (termasuk air) secara paksa tanpa pampasan yang mencukupi.

Namun begitu, apa yang penting di sini ialah mengenai hak seseorang terhadap air. Contohnya, jika seseorang itu mempunyai atau memiliki sekeping tanah dan dia membina perigi untuk keperluan sendiri maka air di dalam perigi itu adalah haknya. Pihak lain, termasuk kerajaan, tidak boleh menafikan hak orang tersebut bagi air di dalam perigi tersebut.

---

<sup>64</sup> Mohammad Yussof, Sirah An-Nabawi, Daeul Al-Fikr, Mesir

Walaupun begitu, seperti yang telah dinyatakan, badan perundangan boleh membuat undang-undang yang membolehkan kerajaan mengambil air tersebut secara sah dalam keadaan-keadaan tertentu (darurat). Contohnya ketika berlaku kebakaran, mengikut seksyen 18(1)(e) Akta Perkhidmatan Bomba 1988,<sup>65</sup> seseorang pegawai bomba boleh menggunakan sebarang bekalan air yang mudah diperolehi berhampiran tempat berlakunya sesuatu kebakaran.

Secara amnya peraturan ini ada sinonimnya dengan Sunnah Nabi Muhammad yang mengatakan jika terdapatnya golongan yang kehausan (darurat) boleh mengambilnya dari mana-mana pihak tanpa perlu mendapat kebenaran. Secara tidak langsung, nilai-nilai murni yang diterapkan oleh Islam, telah cuba diadaptasikan oleh pihak berkuasa Malaysia tanpa mereka sedari.

Seterusnya, begitu juga, jika tuan punya tanah yang ada air misalnya pada tanaman padi, maka air yang disalurkan di bawah undang-undang mengenai pengairan<sup>66</sup>, perlulah juga diberi lalu untuk kegunaan lain-lain tanah padi berkaitan. Air sedemikian tidak boleh dinikmati oleh orang itu seorang sahaja. Di bawah akta ini jika orang yang berkenaan yang enggan membenarkan atau menghalang laluan air pengairan adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara sehingga tiga (3) bulan atau didenda tidak melebihi RM150 atau kedua-duanya.

Sekali lagi peraturan yang dibuat berdasarkan ajaran nilai-nilai murni yang telah digariskan Islam 1400 tahun dahulu. Secara tidak langsung ini membuktikan betapa lengkapnya ajaran Islam itu, walaupun telah lama berlalu, namun ia menunjukkan ianya sesuai digunakan sepanjang zaman. Sebagai sebahagian daripada sistem hidup, "*perundangan*" adalah suatu sistem nilai yang paling lentur atau flaksibal dalam syariat Islam, berbanding dengan "*akidah*" dan "*akhlak*" yang bersifat lebih ideal dan dogmatik. Pembinaannya adalah berasaskan kepada dua unsur iaitu unsur "*wahyu*" dan unsur "*realiti*" hidup. Bagaimanapun, dalam Islam, "*perundangan*" tidak terlepas daripada nilai keagamaan.

Konsepnya, sekularisme tidak diperakui dalam Islam, semua hal perlu dikaitkan dengan nilai agama, walau bagaimana dominan sekalipun asas realiti hidupnya. Islam telah menggariskan beberapa panduan dalam menjalankan urusan pentadbiran dunia. Meskipun Islam membenarkan untuk memustuskan sesuatu keputusan namun sumber asal tidaklah harus diketepikan. Firman Allah s.w.t;

*"dan dalam urusan hal ehwal kehidupan maka berbincanglah dikalangan kamu"*<sup>67</sup>

Namun begitu ada ungkapan yang telah sedia ada yang perlu dipatuhi. Ini menepati sabda rasulullah s.a.w;

*"Aku tinggalkan kepada kamu dua pekara yang mana sekiranya kamu berpegang kepadanya maka kamu tidak akan tersesat selam-lamanya; iaitu Al-Quran dan As-Sunnah"*<sup>68</sup>

Di sini bolehlah kita simpulkan, di dalam hal ehwal keduniaan kita dibenarkan berfikir untuk mentadbir ataupun menguruskan dengan cara terbaik mungkin serta mengikut kesesuaian masa dan tempat, namun perlulah berada di dalam ruang lingkup ajaran yang diketengahkan oleh Islam, dalam melaksanakan apa jua kemajuan yang kita ingin kita kecapai di masa akan datang.

Pepatah Melayu ada mengatakan '*sebab nila setitik, rosak susu sebelangga*', kalau susu sebelangga boleh rosak hanya disebabkan oleh setitik nila, bagaimana pula dengan sumber air kita. Setiap perbuatan yang melanggar lunas alam sekitar sudah pasti akan dapat merosakkan air kita. Apabila air kita musnah, apakah yang akan terjadi kepada manusia, apatahlagi kepada makhluk-makhluk yang lain.

---

<sup>65</sup> Berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989

<sup>66</sup> Akta Kawasan Pengairan 1953 (Akta 386)

<sup>67</sup> Al-Quran, Surah Al-Isra' ayat 24

<sup>68</sup> Sahih Bukahri, Jilid 4, Buku 40, no. 4819



Melihat kepada punca-punca kekurangan air yang sedang diperdebatkan sekarang; maka ternyatalah bahawa ianya berlaku disebabkan oleh perbuatan manusia itu sendiri. Menurut ajaran Islam apa jua malapetaka yang menimpa adalah berpunca dari perbuatan manusia.<sup>69</sup>

Diantara malapetaka yang berlaku di Malaysia akibat dari kecuaiannya manusia itu sendiri ialah, kejadian banjir lumpur yang berlaku di Pos Dipang, Kampar, Perak, runtuhnya bangunan Highland Tower dan kejadian tanah runtuh di Gua Tempurung Genting Highland. Kejadian ini telah meragut banyak nyawa dan memusnahkan kehidupan manusia.

Malapetaka ini ditimpakan oleh Allah melalui tahap-tahap yang tertentu dengan tujuan memberi kesedaran dan keinsafan supaya segera mengubah sikap dan bertaubat dan tujuan terakhir adalah sebagai balasan dan hukuman di atas keingkaran dan pelanggaran kepada perintah Allah.<sup>70</sup>

Tidak dinafikan, untuk Malaysia mencapai status negara maju, kita memang memerlukan pembangunan dan perindustrian yang pantas yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun itu bukanlah bererti kita mesti menghentikan segala bentuk pembangunan yang melibatkan alam sekitar, kerana ini hanya akan mengakibatkan umat Islam akan bertambah mundur ke belakang.

Kita tidak boleh menghentikan pembangunan sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya kita boleh mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh pembangunan tersebut menerusi program-program pengurusan yang bijaksana dan terancang.

Tetapi pada masa yang sama, kita juga perlu melihat bahawa pembangunan yang terlalu pesat yang tidak diimbangi dengan keprihatinan pemuliharaan alam sekitar, akhirnya mengorbankan masa depan kita sendiri.

---

<sup>69</sup> Al-Quran, Surah Ar-Rum, ayat 41.

<sup>70</sup> Ahmad b. Muhammad b. Hajar Al-Haitami, *Al-Fatwa Al-Kubra Al-Fiqihiyah*, Cairo, 1317 (H), vol. 1 ms. 434.